



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 43
No. 5

4hb Mac 1999

TAMBAHAN No. 19
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 88.

CUKAI PENDAPATAN 1967

DAN

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN
REPUBLIK UZBEKISTAN) 1999

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967[Akta 53] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967[Akta 543], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Uzbekistan) 1999.**

Pelepasan cukai dua kali

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Uzbekistan dengan tujuan memberikan pelepasan daripada cukai dua kali berhubungan dengan cukai Malaysia dan cukai Uzbekistan (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suaimanfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

(Perenggan 2)

PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN
KERAJAAN REPUBLIK UZBEKISTAN BAGI
PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN PENCEGAHAN
PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN
CUKAI ATAS PENDAPATAN DAN KEUNTUNGAN

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

KERAJAAN REPUBLIK UZBEKISTAN

BERHASRAT untuk membuat suatu Perjanjian bagi pengelakan pencukaian dua kali dan pencegahan pelarian fiskal berkenaan dengan cukai atas pendapatan dan keuntungan, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang yang adalah pemastautin bagi satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi cukai atas pendapatan dan keuntungan yang dikenakan oleh Negara Pejanji, tanpa mengira cara bagaimana cukai itu dilevikan.
2. Cukai yang tertakluk kepada Perjanjian ini adalah:
 - (a) di Malaysia:
 - (i) cukai pendapatan; dan
 - (ii) cukai pendapatan petroleum;(kemudian daripada ini disebut “cukai Malaysia”);
 - (b) di Republik Uzbekistan:
 - (i) cukai atas pendapatan dan keuntungan enterpris, persatuan dan pertubuhan; dan
 - (ii) cukai pendapatan individu ke atas warganegara Republik Uzbekistan, warganegara asing dan orang tak bernegara;(kemudian daripada ini disebut “cukai Uzbekistan”).

3. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai yang sama atau sebahagian besarnya yang serupa atas pendapatan dan keuntungan yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi, cukai yang sedia ada. Pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain tentang apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang pencukaian masing-masing.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- (a) istilah “Malaysia” ertinya wilayah Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia dan dasar laut dan tanah bawah perairan wilayah itu, dan termasuklah mana-mana kawasan yang melewati batasan perairan wilayah Malaysia, dan dasar laut dan tanah bawah mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau boleh kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut undang-undang antarabangsa sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan bagi maksud mengeksplorasi dan mengeksploitasi sumber alam, sama ada hidup atau tak hidup;
- (b) istilah “Uzbekistan” ertinya Republik Uzbekistan dan apabila digunakan dalam maksud geografi termasuklah wilayah, perairan wilayahnya dan ruang angkasa di atasnya di mana Republik Uzbekistan boleh menjalankan hak kedaulatan dan bidangkuasa termasuklah hak untuk menggunakan tanah bawahnya dan sumber alam mengikut undang-undang antarabangsa dan undang-undang Republik Uzbekistan;
- (c) istilah “suatu Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya Malaysia atau Uzbekistan sebagaimana konteksnya menghendaki;
- (d) istilah “orang” termasuklah seorang individu, suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain yang dikira sebagai seorang bagi maksud cukai;
- (e) istilah “syarikat” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, usaha sama atau apa-apa entiti yang dikira sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud cukai;
- (f) istilah “enterpris suatu Negara Pejanji” dan “enterpris Negara Pejanji yang satu lagi” masing-masingnya bererti suatu enterpris yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan suatu enterpris yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;
- (g) istilah “cukai” ertinya cukai Malaysia atau cukai Uzbekistan, sebagaimana konteksnya menghendaki;
- (h) istilah “rakyat” ertinya:
 - (i) mana-mana individu yang mempunyai kerakyatan atau kewarganegaraan suatu Negara Pejanji;
 - (ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan mana-mana entiti lain yang memperolehi tarafnya yang sedemikian daripada undang-undang yang berkuatkuasa dalam suatu Negara Pejanji;

- (i) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal, pesawat udara, keretapi atau kenderaan jalanraya yang dikendalikan oleh enterpris suatu Negara Pejanji, kecuali jika kapal, pesawat udara, keretapi atau kenderaan jalan raya itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat di Negara Pejanji yang satu lagi itu;
 - (j) istilah “pihak berkuasa kompeten” ertinya:
 - (i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa; dan
 - (ii) dalam hal Republik Uzbekistan, Pengerusi Jawatankuasa Pencukaian Negara atau wakilnya yang diberikuasa.
2. Dalam pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang ia ada di bawah undang-undang Negara itu berkenaan dengan cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 4

KEMASTAUTINAN

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin suatu Negara Pejanji” ertinya:
- (a) dalam hal Malaysia, seseorang yang adalah pemastautin di Malaysia bagi maksud cukai Malaysia; dan
 - (b) dalam hal Uzbekistan, seseorang yang adalah pemastautin di Uzbekistan bagi maksud cukai Uzbekistan
2. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1 seseorang individu adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah berikut:
- (a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya. Jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan vital);
 - (b) jika Negara di mana dia mempunyai pusat kepentingan vitalnya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di salah satu Negara, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
 - (c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-duanya, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang dia adalah rakyat;
 - (d) jika dia adalah rakyat kedua-dua Negara atau bukan rakyat kedua-duanya, maka pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan itu melalui persetujuan bersama.

3. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1, seseorang selain daripada seorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka orang itu hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana tempat pengurusannya yang berkesan terletak.

Perkara 5

ESTABLISMEN TETAP

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “establismen tetap” ertinya suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya perniagaan suatu enterpris secara keseluruhannya atau sebahagiannya dijalankan.

2. Istilah “establismen tetap” hendaklah termasuk terutamanya:

- (a) suatu tempat pengurusan;
- (b) suatu cawangan;
- (c) suatu pejabat;
- (d) suatu kilang;
- (e) suatu bengkel;
- (f) suatu lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau mana-mana tempat pengeluaran sumber alam lain termasuk kayu atau lain-lain keluaran hutan;
- (g) suatu kebun atau ladang;
- (h) suatu tapak bangunan atau pembinaan, projek pemasangan atau pepasangan yang wujud selama lebih daripada 12 bulan.

3. Istilah “establismen tetap” hendaklah disifatkan tidak termasuk:

- (a) penggunaan kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterpris itu;
- (b) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterpris itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan;
- (c) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterpris itu semata-mata bagi maksud pemprosesan oleh enterpris yang lain;
- (d) penyenggaraan tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud pembelian barang-barang atau dagangan, atau pengumpulan maklumat, bagi enterpris itu;
- (e) penyenggaraan tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud menjalankan, apa-apa aktiviti lain yang bersifat persediaan atau tambahan bagi enterpris itu.

4. Suatu enterpris sesuatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi itu jika ia menjalankan aktiviti penyeliaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu selama lebih daripada 12 bulan yang berkaitan dengan suatu tapak bangunan atau projek pembinaan, pemasangan atau pepasangan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

5. Seseorang (selain daripada broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 terpakai) bertindak di suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu enterpris Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu establismen tetap di Negara yang mula-mula disebut itu, jika orang itu:

- (a) ada, dan menjalankan dengan lazimnya di Negara yang mula-mula disebut itu, suatu kuasa untuk membuat kontrak atas nama enterpris itu, melainkan jika aktivitinya adalah terhad kepada pembelian barang-barang atau dagangan bagi enterpris itu;
- (b) menyenggara di Negara yang mula-mula disebut itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterpris itu yang darinya dia kerap memenuhi pesanan bagi pihak enterpris itu; atau
- (c) dia mengilang atau memproses barang-barang atas dagangan yang dipakai oleh enterpris di Negara yang mula-mula disebut itu.

6. Sesuatu enterpris suatu Negara Pejanji tidaklah boleh disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata kerana ia menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu melalui broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang itu bertindak mengikut perjalanan biasa perniagaan mereka.

Walau bagaimanapun, apabila aktiviti ejen sedemikian adalah ditumpukan secara keseluruhannya atau hampir keseluruhannya bagi pihak enterpris itu, dia tidaklah boleh dianggap ejen yang bertaraf bebas jika transaksi antara ejen dan enterpris itu tidak dibuat tanpa di bawah syarat-syarat yang bebas daripada apa-apa pengaruh.

7. Hakikat bahawa suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establismen tetap atau selainnya), tidaklah dengan sendirinya menjadikan mana-mana syarikat itu suatu establismen tetap syarikat yang satu lagi.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada harta tak alih yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “harta tak alih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang dipersoalkan itu terletak. Istilah itu hendaklah dalam apa-apa hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak yang kepadanya peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai, usufruk harta tak alih dan hak kepada pembayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengerjakan, atau hak untuk mengerjakan, deposit galian, telaga minyak atau gas, kuari dan lain-lain tempat pengeluaran sumber alam lain.

3. Peruntukan perenggan 1 hendaklah terpakai bagi pendapatan daripada penggunaan langsung, penyewaan, atau penggunaan harta tak alih dalam apa-apa cara lain.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga terpakai bagi pendapatan daripada harta tak alih sesuatu enterpris dan bagi pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan diri bebas.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan sesuatu enterpris suatu Negara Pejanji hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika enterpris itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterpris itu menjalankan perniagaan seperti yang disebutkan terdahulu, keuntungan enterpris itu boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi tetapi hanya atas sekian banyak daripadanya yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.
2. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 3, jika sesuatu enterpris suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam setiap Negara Pejanji dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang mungkin dijangkakan dapat dibuat olehnya jika ia adalah suatu enterpris yang berlainan dan berasingan yang terlibat dalam aktiviti yang sama atau seumpamanya di bawah keadaan yang sama atau serupa dan berurusan dengan sepenuhnya kebebasan dengan enterpris yang ia menjadi establismen tetap.
3. Dalam menentukan keuntungan suatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan termasuk perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am, yang boleh dipotong jika establismen tetap itu adalah suatu enterpris bebas, setakat mana ia dengan semunasabahnya boleh diuntukkan bagi establismen tetap itu, sama ada dilakukan dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak atau di tempat lain.
4. Jika maklumat yang tersedia ada pada pihak berkuasa kompeten adalah tidak mencukupi untuk menentukan keuntungan yang akan dikaitkan dengan establismen tetap suatu enterpris, tiada apa-apa jua dalam Perkara ini bolehlah menyentuh pemakaian mana-mana undang-undang Negara itu berkaitan dengan penentuan liabiliti cukai seseorang melalui pelaksanaan sesuatu budibicara atau dengan sesuatu anggaran yang dibuat oleh pihak berkuasa kompeten, dengan syarat bahawa undang-undang hendaklah dipakai, setakat maklumat yang tersedia ada pada pihak berkuasa kompeten membenarkan, mengikut prinsip Perkara ini
5. Tiada keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap semata-mata kerana establismen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan bagi enterpris itu.
6. Bagi maksud perenggan terdahulu, keuntungan yang akan dikaitkan kepada establismen tetap hendaklah ditentukan dengan cara yang sama setahun ke setahun melainkan jika ada alasan yang baik dan mencukupi sebaliknya.

7. Jika keuntungan termasuk butiran pendapatan yang diuruskan secara berasingan dalam Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan Perkara tersebut tidaklah boleh terjejas oleh peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PENDAPATAN DARIPADA PENGANGKUTAN ANTARABANGSA

1. Pendapatan dan keuntungan yang diperolehi oleh sesuatu enterpris suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara, keretapi atau kenderaan jalanraya dalam lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu sahaja.

2. Perenggan 1 hendaklah juga terpakai bagi pendapatan dan keuntungan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada penyertaan dalam sesuatu kumpulan atau perniagaan bersama.

Perkara 9

ENTERPRIS BERSEKUTU

Jika—

- (a) suatu enterpris suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterpris Negara Pejanji yang satu lagi, atau
- (b) orang yang sama menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterpris suatu Negara Pejanji dan suatu enterpris Negara Pejanji yang satu lagi.

dan dalam mana-mana satu hal syarat-syarat yang dibuat atau dikenakan antara kedua-dua enterpris itu dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka yang berlainan daripada apa yang akan dibuat antara enterpris bebas, maka apa-apa keuntungan yang sepatutnya, tetapi disebabkan syarat itu, telah terakru kepada salah satu daripada enterpris itu, tetapi, disebabkan oleh syarat tersebut, tidak terakru sedemikian, boleh dimasukkan ke dalam keuntungan enterpris itu dan dikenakan cukai dengan sewajarnya.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, dividen sedemikian boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji di mana syarikat yang membayar dividen itu adalah pemastautin dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial dividen itu cukai yang dikenakan sedemikian hendaklah tidak melebihi 10 peratus daripada amaun kasar dividen itu.

Peruntukan perenggan ini tidaklah menjejaskan pencukaian syarikat berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen itu dibayar.

3. Istilah “dividen” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer atau hak lain, yang bukannya tuntutan hutang, penyertaan dalam keuntungan, dan juga pendapatan daripada hak korporat lain yang tertakluk kepada layanan pencukaian yang sama sebagai pendapatan daripada syer melalui undang-undang Negara di mana syarikat yang membuat pengagihan itu adalah pemastautin.

4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial dividen itu, selaku pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi, di mana syarikat yang membayar dividen itu adalah pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan pegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah secara berkesannya berkaitan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

5. Jika suatu syarikat yang adalah pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh pendapatan atau keuntungan daripada Negara Pejanji yang satu lagi, maka Negara yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat kepada orang yang bukan pemastautin Negara yang satu lagi itu, atau mengenakan keuntungan syarikat yang belum diagihkan kepada suatu cukai ke atas keuntungan yang belum diagihkan, walaupun dividen yang dibayar atau keuntungan yang belum diagihkan itu mengandungi kesemuanya atau sebahagiannya pendapatan atau keuntungan yang terbit di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 11

FAEDAH

1. Faedah yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi bolehlah dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, faedah itu boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji di mana ia terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial faedah itu, cukai yang dikenakan sedemikian hendaklah tidak melebihi 10 peratus daripada amaun kasar faedah itu.

3. Walau apa pun peruntukan perenggan 2, Kerajaan suatu Negara Pejanji hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji yang satu lagi berkenaan dengan faedah yang diperolehi oleh Kerajaan dari Negara yang satu lagi itu.

4. Bagi maksud perenggan 3 istilah “Kerajaan”:

(a) dalam hal Malaysia ertinya Kerajaan Malaysia dan hendaklah termasuk:

- (i) kerajaan Negeri;
- (ii) pihak berkuasa tempatan;
- (iii) badan berkanun;

- (iv) Bank Eksport-Import Malaysia Berhad (Bank EXIM); dan
- (v) Bank Negara Malaysia.

(b) dalam hal Uzbekistan ertinya Kerajaan Republik Uzbekistan dan hendaklah termasuk:

- (i) pihak berkuasa tempatan;
- (ii) badan berkanun;
- (iii) Bank National Republik Uzbekistan bagi Aktiviti Ekonomi Asing; dan
- (iv) Bank Pusat bagi Republik Uzbekistan.

5. Istilah “faedah” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada tiap-tiap jenis tuntutan hutang, sama ada dicagar secara gadai-janji atau tidak; dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon atau debentur.

6. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial faedah itu, selaku pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana faedah itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di Negara itu, dan tuntutan hutang yang berkenaan dengannya faedah itu dibayar adalah secara berkesannya berkaitan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

7. Faedah hendaklah disifatkan sebagai terbit di suatu Negara Pejanji apabila pembayarannya adalah Negara Pejanji itu sendiri, suatu pecah bahagian pentadbiran, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun atau seorang pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar faedah itu, sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap yang berkaitan dengan keterhutangan yang ke atasnya faedah itu dibayar telah dilakukan, dan faedah itu ditanggung oleh establismen tetap itu, maka faedah itu hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara di mana establismen tetap itu terletak.

8. Jika, disebabkan oleh suatu perhubungan khas antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan orang lain, amaun faedah yang dibayar, dengan mengambil kira tuntutan hutang yang baginya ia telah dibayar, melebihi amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun faedah yang terakhir disebut itu. Dalam hal sedemikian, bahagian berlebihan bayaran itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah memberi perhatian wajar kepada peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti sedemikian boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji di mana ia terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial royalti itu, cukai yang dikenakan sedemikian hendaklah tidak melebihi 10 peratus daripada amaun kasar royalti itu.
3. Istilah “royalti” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis pembayaran yang diterima sebagai balasan bagi:
 - (a) penggunaan, atau hak untuk menggunakan, apa-apa paten, cap dagangan, rekabentuk atau model, pelan, rahsia formula atau proses rahsia, atau apa-apa hakcipta kerja saintifik, atau bagi penggunaan atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perindustrian, perdagangan, atau saintifik, atau bagi maklumat mengenai pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik;
 - (b) penggunaan, atau hak untuk menggunakan filem sinematograf, filem atau pita bagi penyiaran radio atau televisyen, apa-apa hakcipta kerja kesusasteraan atau kesenian.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, selaku pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta berkenaan dengannya royalti itu dibayar adalah secara berkesannya berkaitan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.
5. Royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah Negara itu sendiri, suatu pecah bahagian pentadbiran, suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya kewajipan untuk membayar royalti itu dilakukan, dan royalti sedemikian ditanggung oleh establismen tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara di mana establismen tetap itu terletak.
6. Jika, disebabkan oleh suatu perhubungan khas antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan orang lain, amaun royalti yang dibayar, dengan mengambil kira penggunaan, hak atau maklumat yang baginya mereka dibayar, melebihi amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu. Dalam hal sedemikian, bahagian berlebihan bayaran itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah memberi perhatian wajar kepada peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 13

KEUNTUNGAN DARIPADA PEMBERIMILIKAN HARTA

1. Keuntungan daripada pemberimilikan harta tak alih, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, bolehlah dicukai di Negara Pejanji di mana harta itu terletak.

2. Keuntungan daripada pemberimilikan harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan establismen tetap yang enterpris Negara Pejanji ada di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih yang tersedia ada pada pemastautin Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan perkhidmatan profesional, termasuk apa-apa keuntungan daripada pemberimilikan establismen tetap sedemikian (bersendirian atau dengan keseluruhan enterpris) bolehlah dicukai di Negara yang satu lagi.
3. Keuntungan daripada pemberimilikan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh enterpris suatu Negara Pejanji dalam lalulintas antarabangsa atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara tersebut hendaklah hanya boleh dicukaikan di Negara Pejanji yang enterpris itu menjadi pemastautin.
4. Keuntungan daripada pemberimilikan apa-apa harta atau aset selain daripada apa yang disebut dalam perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini hendaklah hanya boleh dicukaikan di Negara Pejanji yang pemberimiliknya itu adalah pemastautin.

Perkara 14

PERKHIDMATAN DIRI TANGGUNGAN

1. Tertakluk kepada peruntukan Perkara 15, 16, 17, 18, 19 dan 20 saraan (selain daripada pencen) yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan diri (termasuk profesional) hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu melainkan jika perkhidmatan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika perkhidmatan itu dijalankan sedemikian, apa-apa saraan sebagaimana yang diperolehi daripadanya boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau apa pun peruntukan perenggan 1, saraan (selain daripada pencen) yang diperolehi oleh individu yang adalah pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan diri (termasuk profesional) yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara yang mula-mula disebut itu jika:
 - (a) penerima itu berada di Negara Pejanji yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan bermula atau berakhir dalam tahun kalendar yang berkenaan; dan
 - (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak seseorang yang bukannya pemastautin di Negara yang satu lagi; dan
 - (c) saraan itu tidak ditanggung oleh suatu establismen tetap yang dipunyai oleh orang yang membayar saraan itu di Negara yang satu lagi.
3. Walau apa pun peruntukan terdahulu Perkara ini, saraan yang diperolehi berkenaan dengan apa-apa pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau dalam pesawat udara, keretapi atau kenderaan jalanraya yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa oleh sesuatu enterpris suatu Negara Pejanji boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.

4. Istilah “perkhidmatan profesional” termasuklah khususnya aktiviti bebas saintifik, kesusasteraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran dan juga aktiviti bebas pakar, perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor gigi dan akauntan.

Perkara 15

FEE PENGARAH

Fee pengarah dan lain-lain pembayaran yang seumpamanya yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah atau, badan yang seumpamanya, akan suatu syarikat yang adalah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 16

ARTIS DAN OLAHRAGAWAN

1. Walau apa pun peruntukan Perkara 14 pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai penghibur, seperti artis teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau pemuzik, atau sebagai seorang olahragawan, daripada aktiviti persendirian yang sedemikian yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Jika pendapatan berkenaan dengan atau berkaitan dengan aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seorang penghibur atau seorang olahragawan terakru bukan kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi kepada orang yang lain, pendapatan itu boleh, walau apa pun peruntukan Perkara 7 dan 14 dikenakan cukai di Negara Pejanji di mana aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan.
3. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai bagi saraan atau keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti yang dijalankan di suatu Negara Pejanji jika lawatan ke Negara itu adalah secara langsung atau tak langsung disokong secara keseluruhannya atau sebahagian besarnya daripada kumpulan wang awam Negara Pejanji yang satu lagi, suatu pecah bahagian pentadbiran, suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu badan berkanunnya.

Perkara 17

PENCEN

Tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 Perkara 18, apa-apa pencen dan saraan lain yang seumpamanya yang dibayar sebagai balasan bagi pekerjaan yang lalu kepada pemastautin suatu Negara Pejanji hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.

Perkara 18

PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. (a) Saraan, selain daripada pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau suatu pecah bahagian pentadbiran atau suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu atau pecah bahagian pentadbiran atau suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.

(b) Walau bagaimanapun, saraan tersebut hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara yang satu lagi jika perkhidmatan itu diberikan di Negara yang satu lagi itu dan penerima itu adalah pemastautin Negara yang satu lagi itu yang:

- (i) adalah rakyat Negara yang satu lagi itu; atau
- (ii) tidak menjadi pemastautin Negara yang satu lagi itu semata-mata bagi maksud memberikan perkhidmatan.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji atau pecah bahagian pentadbiran atau suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu atau suatu pecah bahagian pentadbiran atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.

3. Peruntukan Perkara 14, 15 dan 17 hendaklah terpakai bagi saraan atau pencen berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau suatu pecah bahagian politik atau suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu badan berkanunnya.

Perkara 19

PENUNTUT DAN PELATIH

1. Seseorang individu yang adalah pemastautin suatu Negara Pejanji sebaik sahaja sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan yang hadir sementara di Negara yang satu lagi itu semata-mata:

- (a) sebagai seorang penuntut di universiti, kolej, sekolah yang diiktiraf atau lain-lain institusi pendidikan yang seumpamanya diiktirafkan di Negara yang satu lagi itu;
- (b) sebagai seorang peranti perniagaan atau teknik; atau
- (c) sebagai seorang penerima suatu pemberian, elaun atau award bagi maksud utama pengajian, penyelidikan atau latihan daripada kerajaan salah satu Negara atau daripada pertubuhan saintifik, pendidikan, keagamaan atau khairat atau di bawah suatu program bantuan teknik yang dibuat oleh Kerajaan salah satu Negara;

hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu terhadap:

- (i) semua peremitan dari luar negara bagi maksud penyenggaraan, pendidikan, pengajian, penyelidikan atau latihannya;
- (ii) amaun pemberian, elaun atau award itu; dan
- (iii) apa-apa saraan yang tidak melebihi Dolar US 3000 setahun berkenaan dengan perkhidmatan di Negara yang satu lagi itu dengan syarat perkhidmatan yang dilaksanakan itu berkaitan dengan pengajian, penyelidikan atau latihannya atau adalah perlu bagi maksud penyelenggaraannya.

Perkara 20

GURU DAN PENYELIDIK

1. Seseorang individu yang adalah pemastautin suatu Negara Pejanji sebelum sahaja membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan yang, atas jemputan universiti, kolej, institusi awam yang wujud terutamanya bagi maksud penyelidikan atau lain-lain institusi awam yang seumpamanya, melawat Negara yang satu lagi itu bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun semata-mata bagi maksud mengajar atau menyelidik atau kedua-duanya di institusi pendidikan awam sedemikian hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu terhadap apa-apa saraan bagi pengajaran atau penyelidikan sedemikian yang tertakluk kepada cukai dalam Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu.
2. Perkara ini tidaklah terpakai bagi pendapatan daripada penyelidikan jika penyelidikan sedemikian dilakukan bagi faedah persendirian seseorang atau orang tertentu.

Perkara 21

PENDAPATAN LAIN

Butiran pendapatan seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji yang tidak disebutkan dengan nyata dalam Perkara terdahulu Perjanjian ini hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu kecuali jika pendapatan sedemikian diperolehi daripada sumber di Negara Pejanji yang satu lagi, ianya boleh juga dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 22

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Tertakluk undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar di mana-mana negara selain dari Malaysia, cukai Uzbekistan yang kena dibayar di bawah undang-undang Uzbekistan dan mengikut Perjanjian ini oleh seorang pemastautin Malaysia berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi dari Uzbekistan hendaklah dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu. Jika pendapatan sedemikian adalah suatu dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang adalah pemastautin Uzbekistan kepada suatu syarikat yang adalah pemastautin Malaysia dan yang mempunyai tidak kurang daripada 10 peratus syer mengundi syarikat yang membayar dividen itu, kredit itu hendaklah mengambil kira cukai Uzbekistan yang kena dibayar oleh syarikat tersebut berkenaan dengan pendapatannya daripada mana dividen itu dibayar. Kredit itu hendaklah, walau bagaimanapun tidak melebihi bahagian cukai Malaysia itu, sebagaimana dikira sebelum kredit diberikan, yang sesuai kepada butiran pendapatan sedemikian.
2. Bagi maksud perenggan 1, istilah “cukai Uzbekistan yang kena dibayar” hendaklah disifatkan termasuk amaun cukai yang kena dibayar di Uzbekistan sekiranya ia tidak dikecualikan atau dikurangkan mengikut peruntukan Perjanjian ini dan di bawah insentif khas yang diperuntukkan oleh undang-undang Uzbekistan yang berkuatkuasa pada tarikh tandatangan Perjanjian ini atau peruntukan lain yang akan diperkenalkan kemudiannya di Uzbekistan bagi pengubahsuaian, atau penambahan kepada undang-undang itu setakat yang itu dipersetujui oleh pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji yang sebahagian besarnya bersifat seumpama.

3. Tertakluk kepada peruntukan undang-undang Uzbekistan berkenaan dengan kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Uzbekistan bagi cukai yang kena dibayar di mana-mana negara selain daripada Uzbekistan, cukai Malaysia yang kena dibayar di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian ini oleh pemastautin Uzbekistan berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi dari Malaysia hendaklah dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Uzbekistan yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu. Jika pendapatan sedemikian adalah suatu dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang adalah pemastautin Malaysia kepada suatu syarikat yang adalah pemastautin Uzbekistan yang mempunyai tidak kurang daripada 10 peratus syer mengundi sesuatu syarikat yang membayar dividen itu, kredit itu hendaklah mengambil kira cukai Malaysia yang kena dibayar oleh syarikat itu berkenaan dengan pendapatannya daripada mana dividen itu dibayar. Kredit itu walau bagaimanapun hendaklah tidak melebihi bahagian cukai Uzbekistan itu, sebagaimana dikira sebelum kredit diberikan, yang sesuai kepada butiran pendapatan sedemikian.

4. Bagi maksud perenggan 3, istilah “cukai Malaysia yang kena dibayar” hendaklah disifatkan termasuk cukai Malaysia yang akan, di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian ini, kena dibayar atas apa-apa pendapatan yang diperolehi daripada sumber di Malaysia sekiranya pendapatan itu tidak dikenakan cukai pada kadar yang dikurangkan atau dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut peruntukan Perjanjian ini dan insentif khas di bawah undang-undang Malaysia yang berkuatkuasa pada tarikh tandatangan Perjanjian ini atau mana-mana peruntukan lain yang akan diperkenalkan kemudiannya di Malaysia bagi pengubahsuaian, atau penambahan kepada, undang-undang tersebut setakat yang dipersetujui oleh pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji yang sebahagian besarnya bersifat seumpamanya.

Perkara 23

TAK BERDISKRIMINASI

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang satu lagi kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih membebankan daripada pencukaian dan kehendak yang berkaitan yang kepadanya rakyat Negara yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama adalah atau boleh tertakluk.

2. Pencukaian ke atas establismen tetap yang suatu enterpris suatu Negara Pejanji ada di Negara Pejanji yang satu lagi tidak boleh dilevikan secara kurang baiknya di Negara yang satu lagi itu daripada pencukaian yang dilevikan ke atas enterpris Negara yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti yang sama. Peruntukan ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan suatu Negara Pejanji untuk memberikan kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi apa-apa elaun diri, pelepasan dan pengurangan bagi maksud pencukaian berdasarkan taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikan kepada pemastautinnya sendiri.

3. Enterpris suatu Negara Pejanji, yang modalnya dipunyai atau dikawal sepenuhnya atau sebahagiannya, secara langsung atau tak langsung, oleh seorang atau lebih pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, tidaklah boleh tertakluk di Negara yang mula-mula disebut itu kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih membebankan daripada pencukaian dan kehendak yang berkaitan yang kepadanya enterpris lain yang seumpamanya daripada Negara yang mula-mula disebut itu adalah atau boleh tertakluk.

4. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana Negara Pejanji daripada menghadkan kepada rakyatnya penikmatan insentif cukai yang dimaksudkan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi di Negara itu.

Perkara 24

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika pemastautin suatu Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan kepadanya pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian ini, dia boleh, walau apa pun remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang pencukaaian Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa kompeten Negara yang dia adalah pemastautinnya atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 23, kepada Negara yang dia adalah rakyatnya. Kes itu mestilah dikemukakan dalam masa tiga tahun dari pemberitahuan yang pertama mengenai tindakan yang mengakibatkan pencukaaian tidak mengikut peruntukan Perjanjian.
2. Pihak berkuasa kompeten hendaklah berusaha, jika bantahan itu didapatinya sebagai berjustifikasi dan jika ia dengan sendirinya tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sesuai, untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk pengelakan pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian.
3. Pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji hendaklah berusaha menyelesaikan melalui persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang berbangkit mengenai pentafsiran atau pemakaian Perjanjian. Mereka boleh juga berunding bersama-sama bagi penghapusan pencukaaian dua kali dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian.
4. Pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji boleh berhubung antara satu sama lain secara langsung bagi maksud mencapai suatu persetujuan dalam perenggan yang terdahulu.

Perkara 25

PERTUKARAN MAKLUMAT

1. Pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar maklumat sebagaimana yang perlu bagi menjalankan peruntukan Perjanjian ini atau bagi pencegahan atau pengesanan pelarian atau pengelakan cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang bertukar itu hendaklah dikira sebagai rahsia dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuklah mahkamah atau pihak berkuasa yang mengulangkaji) yang terlibat dengan pentaksiran, pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, atau keputusan rayuan berhubungan dengan, cukai yang tertakluk kepada Perjanjian. Mana-mana orang atau pihak berkuasa berkenaan hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud itu.

2. Tiada dalam mana-mana hal pun peruntukan perenggan 1 ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas Negara Pejanji kewajiban:

- (a) untuk menjalankan langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan pentadbiran Negara itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
- (b) untuk membekalkan maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
- (c) untuk membekalkan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa rahsia dagangan, perniagaan, perindustrian, perdagangan atau profesional atau proses dagangan, atau maklumat yang pendedahannya akan bertentangan dengan polisi awam.

Perkara 26

PEGAWAI DIPLOMATIK DAN KONSUL

Tiada apa-apa jua pun dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal pegawai diplomatik atau pegawai konsul di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan perjanjian khas.

Perkara 27

MULA BERKUATKUASA

Setiap Negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain melalui saluran diplomatik akan penyempurnaan prosedur yang dikehendaki oleh undang-undangnya untuk menguatkuasakan Perjanjian ini. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang terkemudian pemberitahuan ini dan hendaklah dengan itu berkuatkuasa:

- (a) berkenaan dengan cukai yang ditahan di punca, kepada pendapatan yang diperolehi pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar berikutan tahun yang Perjanjian ini mula berkuatkuasa;
- (b) berkenaan dengan lain-lain cukai atas pendapatan, kepada cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar kedua berikutan tahun yang Perjanjian ini mula berkuatkuasa dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya.

Perkara 28

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh masa yang tidak tetap, tetapi salah satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian, melalui saluran diplomatik, dengan memberikan kepada Negara Pejanji yang satu lagi notis penamatan bertulis pada atau sebelum 30 Jun dalam mana-mana tahun

kalender selepas tempoh lima tahun dari tarikh Perjanjian ini mula berkuatkuasa. Dalam keadaan sedemikian Perjanjian hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa:

- (a) berkenaan dengan cukai yang ditahan di punca, kepada pendapatan yang diperolehi pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar berikutan tahun di mana notis diberi;
- (b) berkenaan dengan lain-lain cukai atas pendapatan, kepada cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran mulai pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar kedua berikutan tahun di mana notis diberi.

PADA MENYAKSIKAN hal tersebut di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa sewajarnya, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 6 haribulan Oktober 1997, setiapnya dalam bahasa Melayu, Uzbek dan Inggeris, kesemua teks adalah sama sahinya. Sekiranya terdapat pertikaian dalam pentafsiran dan pemakaian Perjanjian ini, teks Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

BAGI KERAJAAN
REPUBLIK UZBEKISTAN

PROTOKOL

Pada masa menandatangani Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Uzbekistan bagi Pengelakan Cukai Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan dan Keuntungan, yang bertandatangan telah bersetuju bahawa peruntukan yang berikut hendaklah menjadi sebahagian integral Perjanjian.

1. Berkaitan dengan perenggan 1 Perkara 7 “Keuntungan Perniagaan”, tiada apa-apa jua dalam Perkara itu boleh menghalang Negara Pejanji daripada mengenakan cukai atas keuntungan yang diperolehi Negara itu daripada penjualan barangan atau dagangan yang sama atau seumpama jenisnya di Negara itu sebagaimana yang telah dijual melalui establismen tetap di Negara Pejanji itu dengan syarat bahawa penjualan tersebut tidak dijalankan dengan secara nyata melalui establismen tetap itu semata-mata bagi maksud mengurangkan cukai establismen tetap itu.

PADA MENYAKSIKAN hal tersebut di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa sewajarnya, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 6 haribulan Oktober 1997, setiapnya dalam bahasa Melayu, Uzbek dan Inggeris, kesemua teks adalah sama sahiknya. Sekiranya terdapat pertikaian dalam pentafsiran dan pemakaian Protokol ini, teks Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

BAGI KERAJAAN
REPUBLIK UZBEKISTAN

Dibuat 8 Februari 1999.
[Perb. 0.6869/75 (50); PN(PU²)80-A/11]

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
